



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 16 APRIL 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	NAIK RM20, TURUN RM2, LOKAL, HM-18	BAHAGIAN PEMBANGUNAN INDUSTRI PADI
2.	MOHAMAD ADAM PENTERNAK AYAM BERJAYA, NASIONAL, SH-19	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
3.	PUKAT HANTU 'BERSARANG' DI PULAU TENGGOL, NEGERI, SH-23	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4.	TERNAK BELUT DI HALAMAN RUMAH, LOKAL, HM-21	
5.	FAMA BELI TEMBIKAI PETANI HADAPI MASALAH LAMBAKAN, DALAM NEGERI, UM-37	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
6.	AGROBANK SALUR RM2.5 JUTA BIASISWA, NASIONAL, SH-19	BANK PERTANIAN MALAYSIA (AGROBANK)
7.	USAHA TANAM PADI SECARA HIDROGANIK, LOKAL, HM-21	LAIN-LAIN
8.	F&N AGRIVALLEY TERIMA 2,500 LEMBU BETINA DARI CHILE, BISNES, BH-26	
9.	F&N AGRIVALLEY WELCOMES 2,500 DAIRY CATTLE FROM CHILE, BIS, THE SUN-13	
10.	TANAMAN ANGGUR, FERTIGASI JANA PENDAPATAN MASJID DALAM KEBUN, NASIONAL, BH-22	
11.	PEMBANGUNAN LEBUH RAYA PERLU LEBIH SEIMBANG, FORUM, UM-30	
12.	MENANTI HASIL TANAMAN BAWANG MERAH, NEGERI, SH-24	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/4/2025	HARIAN METRO	LOKAL	18

Oleh Noorazura Abdul Rahman
am@hmetro.com.my

Alor Setar

Naik RM20, turun RM2

PeSAWAH kecewa kadar penurunan harga BPS tidak signifikan untuk petani

Kami dukacita kerana penurunan RM2 ini terlalu kecil berbanding peningkatan mendadak sebelum ini," kata Pengerusi Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH) Abdul Rashid Yob.

Abdul Rashid mengulas keputusan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) yang menurunkan harga benih padi sah (BPS) RM2.

Katanya, PeSAWAH menyifatkan penurunan itu sebagai tidak memberi kesan signifikan kepada pesawah.

Menurut Abdul Rashid, penurunan harga itu hanya membabitkan di peringkat borong daripada RM54 kepada RM52 sekampit 20 kilogram (kg).

Katanya, manakala di peringkat runcit, ia daripada RM58 kepada RM56.

"Sejak 2021, harga benih padi sah dinaikkan tiga kali daripada RM35 kepada RM55, iaitu peningkatan keseluruhan RM20.

"Jika kerajaan boleh meluluskan kenaikan harga RM10 dalam satu masa sebelum ini atas alasan kos, mengapa kini ha-



ABDUL Rashid (tengah) bersama petani yang memohon kerajaan menurunkan lagi harga benih padi. - Gambar NSTP/NOORAZURA ABDUL RAHMAN

"Jika satu hektar perlukan 10 kampil benih, kosnya cecah RM560"
Abdul Rashid

nya RM2 diturunkan sedangkan harga padi semasa menurun ketara," katanya pada sidang media di Kampung Alor Belat di sini, semalam.

Menurut Abdul Rashid, kerajaan memperuntukkan subsidi RM20.60

bagi setiap kampil benih kepada pengilang menjadikan kos RM74.60 sekampil.

Ini bermakna, katanya, harga sebenar perkilogram mencecah RM3.73 sedangkan harga belian padi semasa sekitar RM1.60 sekilogram.

"Kami dapati margin keuntungan terlalu besar berpihak kepada pengilang,

manakala pesawah terus terbeban.

"Jika satu hektar memerlukan 10 kampil benih, kosnya mencecah RM560 iaitu lebih lima peratus daripada kos keseluruhan penanaman," tegasnya.

Abdul Rashid berkata, pesawah turut membangkitkan isu penguatkuasaan harga kawalan yang lemah di pasaran, apabila terda-

pat kes yang mana harga benih dijual melebihi harga siling, mencecah RM65 hingga RM70 sekampil.

"Walaupun kerajaan menetapkan harga kawalan, kami dapati masih ramai pesawah membeli pada harga lebih tinggi kerana penguatkuasaan longgar.

"Pesawah kini hanya boleh mendapatkan benih melalui pemborong berle-

sen, bukan terus dari kilang seperti dahulu," katanya.

Abdul Rashid menggesa kerajaan mengkaji semula harga benih padi sah dengan mengembalikannya ke paras lebih adil iaitu antara RM35 hingga RM45 sekampil, selain memperbaiki saluran agihan subsidi agar lebih memihak kepada pesawah, bukan hanya pengeluaran.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/4/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	19

Mohamad Adam penternak ayam berjaya

**2030
PERAK
SEJAHTERA**

KAMPAR - Meninggalkan kerjaya selesa demi mengejar impian bukanlah keputusan mudah, namun itulah langkah berani yang diambil Mohamad Adam Shah Mohamed Hussain, 42, seorang anak jati Tanjung Malim kini berjaya membina empayar ternakan ayam sendiri.

Bermula pada 2018, Adam mengambil keputusan nekad menjadi penternak ayam daging sepenuh masa dengan matlamat jelas untuk memastikan rakyat, khususnya golongan berpendapatan rendah, sentiasa cukup sumber protein di atas meja.

Berbekalkan semangat dan kepercayaan kepada rezeki, beliau membuka dua reban ayam moden berteknologi sistem tertutup di Kampung SMTD, Kampar yang kini, setiap kitaran mampu menghasilkan kira-kira 65,000 ekor ayam.

Namun di sebalik kejayaan itu, tersimpan pelbagai dugaan, termasuk pernah dikenakan kompaun oleh pihak berkuasa hampir RM80,000 akibat isu teknikal semasa memulakan operasi.



Mohamad Adam (kiri) kini mengakui dengan sokongan kerajaan, bidang penternakan yang diceburi membuahkan hasil dan terus berkembang.

"Situasi itu memang mencabar kerana saya baru nak menceburi bidang penternakan ini. Di sebalik semua prosedur telah dipatuhi, rupanya ada dugaan lain yang datang.

"Saya anggap itu semua asam garam dalam perniagaan. Kalau kita takut cabaran, sampai bila pun kita takkan maju," katanya yang kini menguruskan ladang ternakan di bawah syarikat MA Agrofarm Sdn Bhd.

Sebagai seorang bapa yang bertanggungjawab, Mohamad Adam menjadikan keluarganya sebagai sumber kekuatan untuk terus bertahan dan berkembang dalam industri yang mencabar ini.

Lebih membanggakan, beliau kini sedang merancang pembukaan reban ayam tertutup yang baharu dalam masa terdekat.

Apa yang lebih membakar semangatnya ialah sokongan kerajaan negeri, khususnya melalui Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (Perak SADC), yang menyediakan bantuan kepadanya sebelum ini.

"Tanpa bantuan serta dorongan daripada kerajaan negeri, mungkin agak sukar untuk anak muda seperti saya berjaya seperti ini.

"Dasar kerajaan menerusi Pelan Perak Sejahtera 2030 benar-benar membuka ruang dan peluang kepada

anak muda untuk berjaya," katanya penuh yakin.

Mohamad Adam kini sedang dalam proses memperluas operasinya ke kawasan baharu seluas 12 hektar di lokasi sama, dengan sasaran meningkatkan pengeluaran sehingga 200,000 ekor ayam setiap kitaran.

Baginya, inisiatif dan sokongan kerajaan negeri bukan sahaja membantu usahawan kecil seperti berkembang, malah menjadi pemangkin kepada jaminan bekalan makanan negara.

"Anak muda di Perak ini sebenarnya ramai yang berbakat dan berani mencuba. Yang penting, mereka diberi peluang serta sokongan sewajarnya.

"Saya harap usaha kecil ini menyumbang kepada bekalan makanan yang stabil dan harga yang berpatutan untuk rakyat," katanya.

Pertemuan beliau dengan Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad, semasa Hari Bertemu Pelanggan Kerajaan Negeri Perak di Stadium Indera Mulia sebelum ini juga membuka ruang besar untuk beliau menyuarakan cabaran yang dihadapi penternak kecil.

Kini, harapan dan masa depan semakin cerah, bukan sahaja buat Mohamad Adam, tetapi buat generasi muda lain yang mahu terus berkembang dalam sektor ekonomi yang semakin mencabar ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/4/2025	SINAR HARIAN	NEGERI	23



Pukat hantu 'bersarang' di Pulau Tenggol

Pukat seberat 52kg berada di kedalaman 30 meter di dasar laut

Oleh NORHASPIDA YATIM
DUNGUN

Sebanyak 52 kilogram pukat hantu berjaya dikeluarkan dari dasar laut sekitar Pulau Tenggol dalam program tanggungjawab sosial korporat (CSR) Sayangi Tenggol, Ghost Net Removal pada Ahad lalu.

Seorang penyelam berpengalaman, Shafuan Zainoddin, 51, berkata, operasi pembersihan itu melibatkan 39 peserta yang berjaya mengangkat pukat jenis *polyethylene* sepanjang kira-kira 70 hingga 100 meter.

Menurutnya, pukat tersebut dikesan berada pada kedalaman 22 hingga lebih 30 meter di dasar laut.

"Operasi mengeluarkan pukat hantu kali ini terpaksa dihadkan sehingga kedalaman 30 meter atas faktor keselamatan, manakala sisa pukat yang berada di dasar lebih dalam masih belum dapat dikeluarkan.

"Jadi, dalam operasi kali ini hanya berjaya potong dan keluarkan pukat yang berada sehingga kedalaman 30 meter, masih ada yang tertinggal di bawah laut," katanya kepada *Sinar Harian* pada Selasa.

Shafuan berkata, biasanya penyelam akan mengambil inisiatif mengeluarkan sendiri apabila mengesan pukat hantu bersaiz kecil di dalam laut.

"Untuk pukat-pukat hantu yang bersaiz besar seperti ini, kita adakan program khas melibatkan beberapa pihak demi menjaga keselamatan.

"Kita juga ada berbincang dengan pihak jabatan perikanan untuk merangka enam lagi program pembersihan pukat hantu sepanjang tahun 2025," ujarnya.



INFO PULAU TENGGOL

- Pulau Tenggol terletak di laut Terengganu berdekatan Dungun
- Saiznya kecil hanya tiga kilometer (km) panjang dan dua km lebar
- Menjadi destinasi menyelam yang mempesonakan
- Terdapat 20 tempat menyelam antaranya Teluk Air Tawar, tempat terbaik untuk lihat perahu
- Perjalanan ke pulau ini dari Kuala Dungun memakan masa 45 minit menaiki bot laju

Pukat hantu yang mencemari dasar laut dikumpulkan dan dinakikan ke pantai Pulau Tenggol.



Kumpulan sukarelawan termasuk wakil agensi kerajaan yang terlibat dalam program Sayangi Tenggol, Ghost Net Removal pada Ahad lalu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/4/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	37

FAMA beli tembikai petani hadapi masalah lambakan

Oleh **NURIN NABILAH MAHMOD**
dan **NUR ILAHI AHMAD**
utusannews@mediamula.com.my

SELAYANG: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) membeli sebanyak 500 tan metrik tembikai merah dan mengaktifkan 10 pusat operasi sistem pengedaran di seluruh negara bagi mengatasi lambakan tembikai yang berlaku di peringkat ladang.

Ketua Pengarah FAMA, Abdul Rashid Bahri berkata, langkah itu diambil sebagai tindakan segera untuk membantu petani memasarkan hasil tembikai yang dituai secara serentak berikutan cuaca panas dan jadual penanaman yang hampir sama di beberapa negeri.

Katanya, pembelian itu dibuat dalam julat harga ladang antara 85 sen hingga RM1.20 sekilogram, melibatkan nilai keseluruhan RM614,000.

"FAMA mengambil inisiatif membeli hasil terus dari ladang bagi mengelakkan petani



ABDUL RASHID Bahri (kiri) memberikan sumbangan kepada anak-anak yatim Rumah Penyayang Darul Ilmi Gombak sempena Majlis Semarak Kasih Aidilfitri bersama Usahawan FAMA 2025 di Bandar Baru Selayang. **Selangor. - UTUSAN/M. FIRDAUS M. JOHARI**

berdepan kejatuhan harga akibat pengeluaran serentak yang menyebabkan lambakan tembikai berlaku.

"Kita juga mengaktifkan 10 pusat operasi pengedaran termasuk di Puchong, Selayang dan Ayer Keroh dengan seban-

yak 499,882.75 kilogram tembikai bernilai RM678,082.36 telah berjaya diagihkan ke seluruh negara," katanya ketika

ditemui pada Majlis Semarak Kasih Aidilfitri bersama Usahawan FAMA 2025 di sini, semalam.

Tambah Abdul Rashid, FAMA menggalakkan petani kecil mendaftar Program Ladang Kontrak bagi menjamin harga lantai dan mengurangkan kerugian pada pihak mereka.

"Penting untuk petani kecil mendaftar dengan FAMA kerana ia dapat menjamin harga lantai sekiranya berlaku penurunan harga di peringkat ladang di bawah kos pengeluaran. Pada masa yang sama bagi mengurangkan risiko kerugian yang ditanggung oleh petani.

"Apabila mereka mendaftar, kita dapat bantu mereka dengan menyusun jadual tanaman supaya pengeluaran tidak berlaku secara serentak.

"Sebahagian tanaman juga disasarkan untuk pasaran selepas Aidilfitri bagi mengelakkan tekanan harga dan memasarkan hasil diterima pasaran secara berperingkat," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/4/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	19

Agrobank salur RM2.5 juta biasiswa

Bantu anak petani, penternak dan nelayan sejak 2020

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR
KUALA LUMPUR

Seramai 38 penuntut institusi pengajian tinggi awam daripada golongan B40 telah menerima Biasiswa Agrobank Madani sejak program itu diperkenalkan pada tahun 2020.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, sebanyak RM2.5 juta telah dibelanjakan setakat ini untuk menampung perbelanjaan penuntut yang terpilih di bawah program biasiswa berkenaan.

Menurut beliau, pada tahun

ini sahaja, seramai 10 penuntut baharu menerima biasiswa bernilai kira-kira RM416,500.

"Kesemua mereka terdiri daripada pelajar daripada keluarga B40 termasuk anak-anak petani, penternak dan nelayan.

"Biasiswa ini bertujuan membantu golongan sasaran melanjutkan pengajian di peringkat universiti tanpa sebarang halangan dari segi kewangan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Agrobank dan Majlis Penyampaian Anugerah Program Biasiswa Agrobank di sini pada Selasa.

Majlis itu dirasmikan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Mohamad Sabu.

Beliau memberitahu, sumbangan biasiswa tersebut juga merupakan mandat Agrobank untuk meningkatkan kejayaan komuniti agro ter-

utama dalam kalangan B40.

Mengulas lanjut, katanya, Agrobank bukan sahaja memberi peluang pendidikan, malah modal insan yang dibantu berkecayaan berpotensi menjadi pelaburan strategik jangka panjang kepada bank itu sendiri.

"Ini sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat kami kerana selepas graduasi, mereka berpeluang diserap masuk sebagai kakitangan

Agrobank dan diselia di bawah program pembangunan bakat kami," tambahnya.

Tengku Ahmad Badli Shah memberitahu, ramai dalam kalangan penerima biasiswa kini telah menyertai Agrobank sebagai kakitangan sepenuh masa dan mengikuti skim latihan pengurusan yang diperkenalkan pihak bank.

"Mereka menerima latihan menyeluruh dalam pelbagai

bidang perbankan dan ditempatkan di cawangan-cawangan Agrobank di seluruh negara terutamanya di kawasan luar bandar.

"Agrobank kini mempunyai lebih 150 cawangan di seluruh negara dan terus komited menyalurkan perkhidmatan kewangan kepada golongan sasaran khususnya komuniti agro dan berpendapatan rendah," ujar beliau.

FOTO: MOHD HALIM ABDUL WAHID



Mohamad (tengah) bergambar bersama Tengku Ahmad Badli Shah (tiga dari kiri) pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Agrobank dan Majlis Penyampaian Anugerah Program Biasiswa Agrobank di Kuala Lumpur pada Selasa.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/4/2025	SINAR HARIAN	NEGERI	24

Menanti hasil tanaman bawang merah

Dijangka 1.7 tan metrik dituai hujung bulan ini, hasil kaedah fertigasi

Oleh HAZELN LIANA KAMARUDIN BACHOK

Hampir 1.7 tan metrik bawang merah dijangka dituai sebuah komuniti di sini pada hujung bulan ini sebelum dijual dengan kadar harga RM7 sekilogram.

Ia hasil keberanian mereka menyahut cabaran mengusahakan tanaman itu melalui kaedah fertigasi bagi menangani isu kekurangan bekalan dan kenaikan harga bahan mentah berkenaan di pasaran tempatan.

Tanaman yang diusahakan hujung Februari lalu itu melibatkan tiga komuniti iaitu Persatuan Komuniti Kampung Nenasi Beris Lalang, Pertubuhan Cakna Insan Komuniti Gelong Badak dan Pertubuhan Sejahtera Komuniti menerusi inisiatif Program Sejahtera Komuniti Madani (SejaTi Madani).

Penyelaras program, Che Mahmood Hashim, 66, berkata, jika tanaman secara fertigasi itu berjaya, pihaknya merancang untuk menanamnya di atas batas pula selepas ini.

Katanya, melalui program



Che Mahmood (dua dari kiri) bersama peserta menunjukkan 13,200 benih bawang merah yang ditanam dalam 3,300 polibeg.



tersebut, sebanyak 13,200 benih bawang merah membabitkan 3,300 polibeg telah ditanam sebagai permulaan.

"Kami bertuah kerana mendapat bimbingan daripada Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi).

"Selain bantuan dari segi anak benih, pihak tersebut juga membantu kami bagaimana untuk memastikan tanaman bawang merah ini berjaya dan dapat menghasilkan keuntungan," katanya kepada *Sinar Harian* ketika ditemui di Gelong Badak di sini pada Selasa.

Menurut Che Mahmood, tanaman itu mengambil masa sekitar dua bulan 10 hari sebelum matang untuk dituai.

Ujarnya, penjagaannya juga tidak cerewet dan hanya perlu disiram tiga kali sehari.

"Tanaman ini diusahakan oleh seramai 12 peserta secara berjadual," kata Che Mahmood lagi.

Media sebelum ini melaporkan, Projek SejaTi Madani yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam Belanjawan 2024 memberi tumpuan kepada lima sektor utama iaitu pertanian dan makanan, jahitan dan kraf tangan, herba dan kesihatan, pelancongan dan hospitaliti, serta aktiviti Hijau dan kitar semula.

Inisiatif itu dijangka terus memainkan peranan penting dalam merangsang pertumbuhan ekonomi setempat menerusi pemberdayaan komuniti di seluruh negara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/4/2025	HARIAN METRO	LOKAL	21

MAMPU JANA PENDAPATAN RM3,000 SEBULAN

Ternak belut di halaman rumah

Oleh Nurul Fatimah Sulaini
am@hmetro.com.my

Besut


Usaha gigih seorang penternak menggunakan kawasan rumah untuk menternak belut sejak setahun lalu sebagai sumber pendapatan sampingan.

Mat Didek Daud, 58, berkata, dia mula mengusahakan bidang penternakan belut sejak setahun lalu sebagai sumber pendapatan sampingan.

Katanya, belut mempunyai permintaan tinggi daripada pengusaha restoran serta kedai makan sekitar Besut kerana tidak ramai pengusaha menternaknya.

"Saya menggunakanduit simpanan sendiri kira-kira RM 5,000 pada peringkat awal untuk membeli benih belut serta mempunyai kolam tiruan di belakang rumah.

"Setakat ini terdapat sebanyak 12 kolam tiruan dibina secara berperingkat dan lima kolam daripadanya khas untuk proses



MAT Didek menternak belut di halaman rumahnya.

pembenihan belut.

"Proses untuk menternak belut perlu melalui empat peringkat iaitu mengawan, benih, proses pembesaran serta jualan secara segar atau sejuk beku.

"Kebiasaannya sekitar Mei, Jun serta Julai adalah proses mengawan dan setakat ini benih dikeluarkan sekali dalam tempoh setahun namun ada teknologi luar negara mampu menghasilkan benih belut dua kali setahun," katanya ketika ditemui di Kampung Tok Dor Luar, di sini.

Katanya, proses membekukan benih belut mengambil masa sekitar lapan bulan sehingga setahun untuk mendapatkan saiz sesuai sebelum boleh dijual.

"Setakat ini purata jumlah jualan sebulan kira-kira 100 kilogram dengan ang-

garan pendapatan sekitar RM3,000.

"Belut yang dijual ini mempunyai dua kategori saiz iaitu besar dan sederhana, bagi saiz besar harga RM30 satu kilogram dengan dua atau tiga ekor belut.

"Bagi saiz sederhana antara lima hingga enam ekor pula dijual dengan harga RM28 sekilogram," katanya.

Katanya, pengalaman paling mencabar sejak mencuri bidang itu apabila mengalami kerugian selepas kira-kira 250 benih belut terlepas dari kolam ketika musim banjir akhir tahun lalu.

"Saya berhasrat menanam 10 kolam fiber serta sudah membuat permohonan bantuan input ternakan daripada Jabatan Perikanan," katanya.

"Bagi saiz sederhana antara lima hingga enam ekor pula dijual dengan harga RM28 sekilogram"

Penternak belut, Mat Didek Daud

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/4/2025	HARIAN METRO	LOKAL	21

Usaha tanam padi secara hidroganik

Port Dickson: Tanaman padi secara hidroganik diusahakan Ibrahim Inon, 41, berjaya mengubah landskap pertanian bandar dan mendapat perhatian banyak pihak.

Diusahakan hanya di kawasan rumahnya di Taman Bukit Cendana, Pasir Panjang di sini, ia mampu menghasilkan sekurang-kurangnya 50 kilogram (kg) padi setiap musim.

Apa yang menariknya, menerusi sistem pertanian berkenaan ia bukan saja menjimatkan ruang, tetapi juga kos.

"Sistem hidroganik ini adalah menggabungkan elemen hidroponik iaitu teknik penanaman tanpa tanah dan organik bermaksud, baja dihasilkan semula jadi tanpa bahan kimia.

"Tanaman padi dibuat di atas kolam ikan dan najis ikan akan menjadi baja semula jadi kepada tanaman

dan secara tidak langsung dua dalam satu, padi dan ikan," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Menurutnya lagi, kos permulaan usaha ini juga tidak begitu tinggi bergantung kepada saiz atau luas tanaman dan jenis kolam ikan yang digunakan.

"Keperluan utamanya ialah sistem paip polivinil klorida (PVC), rangka besi, kolam berserta pam air bagi membekalkan air sepanjang masa yang diperlukan seolah-olah ia ditanam di sawah.

"Sebelum ini, saya membuat kajian tanam padi sistem hidroganik ini, dengan cubaan sendiri dalam skala kecil bermula 40 rumpun padi sahaja dan saya teruja apabila nampak ia menjadi, padi naik subur.

"Saya menggunakan kos lebih kurang RM30,000 dengan membuatnya pada skala lebih besar pula di



IBRAHIM menunjukkan tanaman padi yang ditanam secara hidroganik di kawasan rumahnya di Taman Bukit Cendana, Pasir Panjang yang mampu menghasilkan sekurang-kurangnya 50kg padi setiap musim. - Gambar NSTP/AZRUL EDHAM

tanah yang disewa sebelah rumah dengan menanam 368 rumpun padi jenis MR297 yang dibeli dari Kedah dan jenis MQ47 dari Kuala Selangor," ujarnya.

Tambahnya, tanaman 368 rumpun padi terbabit mampu menghasilkan

50kg sehingga 60kg beras setiap kali musim menuai.

"Setiap empat bulan, padi boleh dituai dan bagi skala yang saya buat ini dah cukup untuk tampung beras bagi setiap isi rumah dalam tempoh setahun.

"Jadi kalau semua kita

mampu buat, kita tak perlu lagi beli beras dan tentunya keselamatan makanan kita lebih terjamin," katanya.

Ibrahim turut berterima kasih kepada Jabatan Pertanian yang memberikan bantuan mesin memproses padi berkata, lebih mem-

beri keuntungan apabila turut mengusahakan ternakan ikan.

Ujarnya, dia turut menternak 3,000 ikan keli dan 1,500 tilapia yang apabila sampai tempoh matang akan dijual kepada pelanggan secara borong.

"Tanaman padi di atas kolam ikan, najis ikan jadi baja semula jadi"
Ibrahim Inon

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/4/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	22

Tanaman anggur, fertigasi jana pendapatan masjid dalam kebun

Gerik: Masjid Jamek Pengkalan Hulu, di sini, menampilkan konsep 'Masjid dalam Kebun' menerusi tanaman pelbagai sayuran selain anggur, buah tin dan mangga *King* di pekarangan masjid berkenaan.

Inisiatif ini sekali gus menjana pendapatan kepada masjid apabila segala hasil tanaman itu dijual.

Hasil tanaman itu termasuk cili dan terung yang ditanam secara fertigasi, sayuran hidroponik serta buah-buahan seperti limau kasturi, jambu madu dan nangka madu.

Setiausaha masjid, Azmi Abd Latiff, 64, berkata sejak 2017 pekarangan masjid berkeluasan kira-kira 1.5 hektar itu mengambil pendekatan, menukarkan konsep tanaman landskap yang menumpukan kepada tanaman pokok bunga kepada jenis tanaman seperti sekarang.

Menurutnya, berbekalkan pengalaman seorang daripada ahli jemaah masjid itu yang mengusahakan tanaman cili komersial pada 2019, idea itu kemudiannya diterapkan pihak masjid, sebelum beralih kepada tanaman kontan seperti sekarang.

Beliau berkata, apabila ia mula menunjukkan hasil, Jabatan Pertanian tampil memberi bantuan dan sokongan menerusi pemberi-

2030 PERAK SEJAHTERA

an set hidroponik baja, hamparan *weedmat* dan racun tanaman bagi menyemarakkan aktiviti pertanian di masjid berkenaan.

"Pihak masjid bermula dengan tanaman pokok besar seperti mangga pada 2017, sebelum

beralih mengusahakan tanaman fertigasi pada 2019 dengan berbekalkan 2,000 polibeg tanaman cili membabitkan sebanyak 4,000 anak pokok.

"Hasil tanaman cili dijual secara borong kepada jemaah dan pengunjung pada harga RM5 sepaket dengan hanya meletakkan cili berkenaan berserta tabung masjid di atas meja bagi urusan pembelian," katanya.

Ditanam dalam pasu

Azmi berkata, tanaman anggur pula dimulakan sejak 2020 membabitkan 25 jenis, antaranya Isabella, Tsimus, IAC, Fitch, Ninel, dan Jupiter.

Menurut beliau, pokok anggur



Tanaman anggur dimulakan sejak 2020.

ditanam dalam pasu di dua Rumah Lindungan Hujan (RLH) yang dibina, selain di laluan berhubung pejalan kaki.

Beliau berkata, faktor geografi dan cuaca di kawasan Pengkalan Hulu yang disifatkan 'dataran tinggi' dan kerap mengalami cuaca kering dan panas mendorong keberhasilan tanaman anggur.

"Buah-buah ini kita jual pada musim hasilnya banyak, tetapi ketika hasilnya kurang, kita sekadar membenarkan jemaah atau pengunjung memetik dan merasai sendiri buah itu di pokoknya tanpa dijual.

"Masjid itu juga mengetengahkan agenda penghijauan yang ju-

ga sebahagian daripada elemen keterjaminan makanan melalui pembinaan 'rumah cacing', iaitu tapak uraian bagi baja organik untuk tanaman di masjid itu, selain untuk dijual," katanya.

Beliau berkata, pada masa sama, pertanian bandar yang diamalkan itu juga mendidik komuniti serta pengunjung, iaitu masjid bukan sahaja berperanan sebagai pusat ibadat, tetapi juga meningkatkan pendidikan, ekonomi dan sosial masyarakat.

Inisiatif gigih itu turut melayakkan Masjid Jamek Pengkalan Hulu menerima Anugerah Khas Ar Ridzuan yang disampaikan Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah sempena Majlis Sambutan Maal Hijrah 1444H Peringkat Perak pada 2022.

Agenda sekuriti makanan adalah satu daripada *flagship* di bawah pelan pembangunan Perak Sejahtera 2030 cetusan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad, iaitu Lembah Bakul Makanan Malaysia, selain pelan sama turut menggariskan agenda 1 Daerah 1 Aktiviti Ekonomi dengan Jabatan Pertanian sebagai penerajunya.



Pekarangan Masjid Jamek Pengkalan Hulu, Gerik ditanam dengan tanaman kontan seperti cili.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/4/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	22

F&N AgriValley terima 2,500 lembu betina dari Chile

Fraser & Neave Holdings Bhd (F&N) menerima ketibaan kumpulan komersial pertama sebanyak 2,500 lembu betina dari Chile ke ladang tenusunya, F&N AgriValley di Gemas.

Ketua Pegawai Eksekutif F&N, Lim Yew Hoe, berkata ketibaan kumpulan pertama lembu betina komersial ini merupakan satu peristiwa bersejarah yang merakamkan kejayaan import terbesar bagi lembu pembiakan dan seterusnya membuka jalan untuk masa depan tenusu Malaysia.

Beliau berkata, peristiwa ini juga menyaksikan pengimportan lembu sulung Malaysia dari Chile.

"Lembu Chilean Holstein ini diuji 100 peratus secara ge-

nomik dan mempunyai Indeks Prestasi Keseluruhan Genomik (GTPI) setanding dengan standard prestasi lembu betina yang pada asalnya kami rancang untuk diimport dari Amerika Syarikat (AS)," katanya dalam satu kenyataan.

Pengarah Urusan Pertanian dan Ladang Tenusu F&N, Dr Yap Peng Kang, berkata lembu terbabit dibawa dari Santiago, Chile menggunakan kapal pengangkut ternakan dengan pelayaran yang dirancang dengan teliti.

"Di sepanjang perjalanan, lembu ini berada di bawah jagaan pengendali ternakan khas yang memastikan kesejahteraan ternakan dengan memantau kesihatan, pemakanan dan kesejahteraan mereka di atas kapal.



Lembu Chilean Holstein yang dibawa dari Santiago diuji 100 peratus secara genomik. (Foto ihsan F&N)

"Kapal terbabit dipasang dengan tahap pengudaraan seperti yang disyorkan, dan disediakan dengan makanan dan minuman yang mencukupi bagi meminimumkan tekanan serta mengekalkan persekitaran yang optimum bagi lembu berkenaan," katanya.

Setibanya di Pasir Gudang, semua lembu terbabit diturunkan dengan selamat dan dipindahkan ke rumah baharu mereka di F&N AgriValley da-

lam masa tiga hari.

Peng Kang turut menekankan sokongan kritikal agensi utama di Pasir Gudang, Johor.

"Kami merakamkan jutaan terima kasih kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Johor Port Bhd dan kesemua pihak berkuasa yang memastikan perjalanan selamat dan pemindahan lancar ternakan kami ke F&N AgriValley," katanya.

F&N AgriValley welcomes 2,500 dairy cattle from Chile

PETALING JAYA: Following a successful trial run, Fraser & Neave Holdings Bhd (F&N) has marked a key milestone with the arrival of the first commercial batch of 2,500 dairy heifers from Chile at its integrated dairy farm in Gemas, Negeri Sembilan.

This came shortly after Negeri Sembilan Menteri Besar Datuk Seri Aminuddin Harun's visit to F&N AgriValley on April 11.

F&N CEO Lim Yew Hoe said the arrival of the batch of heifers represents a historic milestone, marking the country's largest-ever single importation of breeding cattle and paving the way for Malaysia's dairy future.

"This also signifies Malaysia's inaugural cattle import from Chile. These Chilean Holstein cattle have been genomically tested and have a Genomic Total Performance Index that is on par with the performance standards of the heifers we had originally planned to import from the US," Lim said.

The cattle were transported from Santiago, Chile, on a livestock carrier through a meticulously planned voyage.

F&N managing director of agriculture and dairy farming Dr Yap Peng Kang said that, throughout the journey, the cattle were under the care of specialised livestock handlers who ensured the animals' well-being by monitoring their health, nutrition and comfort onboard.

"The vessel was fitted with the recommended levels of ventilation and an ample supply of feed and water to minimise stress and maintain optimal transit conditions for the cattle," he said.

Upon arrival at Pasir Gudang in Johor, the cattle were safely unloaded and transported to their new home in F&N AgriValley within three days.

Dr Yap highlighted the critical support of key agencies in Pasir Gudang.

"We extend our sincere gratitude to the Royal Malaysian Customs Department, the Royal Malaysian Police, Johor Port Bhd and all other relevant authorities who ensured the safe passage and seamless transition of the livestock to F&N AgriValley.

"The Department of Veterinary Services



Some of the dairy heifers from Chile being unloaded from the vessel, bound for F&N's integrated dairy farm in Gemas, Negeri Sembilan.

ensured the imported heifers met Malaysia's strict biosecurity standards through rigorous health certification and disease prevention measures," he said.

Dr Yap also said the Malaysian Quarantine and Inspection Services facilitated the smooth importation process, ensuring full compliance with import regulations.

Their combined expertise has been instrumental in safeguarding the health of the heifers and the success of this importation effort, he said.

"In upholding our commitment to stringent livestock health and biosecurity standards, the cattle are healthy and will now undergo a mandatory quarantine period. The cattle will be housed at the largest on-site quarantine facilities in the country for a single livestock batch.

"The cattle are housed within F&N AgriValley in state-of-the-art barns equipped with an intelligent environmental control system to provide optimum comfort for our livestock," Dr Yap said.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/4/2025	UTUSAN MALAYSIA	FORUM	30

Pembangunan lebuh raya perlu lebih seimbang

PEMBANGUNAN lebuh raya seperti Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) telah memacu industri logistik dan hartanah di kawasan bandar. Namun, kawasan luar bandar seperti Jeli (Kelantan) atau Setiu (Terengganu) masih bergantung pada jalan persekutuan yang usang.

Di Lembah Klang, lebuh raya seperti Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi-Ulu Kelang (SUKE) dan Lebuhraya Bertingkat Damansara-Shah Alam (DASH) meningkatkan nilai hartanah sehingga 20 peratus dalam tempoh lima tahun. Namun, di kawasan pedalaman Kelantan, kenaikan nilai tanah hampir tidak ketara.

Laporan Institut Kajian Khazanah (2023) menunjukkan pemilikan kenderaan di Pantai Timur adalah 40 peratus lebih rendah berbanding Pantai Barat. Ini membuktikan kurangnya lebuh raya berkualiti menghalang mobiliti ekonomi.

Pembangunan lebuh raya juga mempengaruhi pelaburan asing (FDI). Pada 2024, 75 peratus FDI tertumpu di negeri dengan jaringan lebuh raya maju seperti Selangor dan Pulau Pinang.

Wilayah seperti Perlis dan Kelantan hanya menerima kurang daripada 5 peratus FDI. Ketiadaan lebuh raya moden menjadi salah satu faktor penghalang utama.

Kesan ketidakseimbangan ini juga jelas dalam industri pelancongan. Destinasi seperti Genting Highlands dan Melaka mendapat lebih banyak pelancong kerana akses lebuh raya yang baik.

Sebaliknya, lokasi menarik di Terengganu seperti Tasik Kenyir kurang dikunjungi kerana kekurangan lebuh raya yang cekap. Data Tourism Malaysia 2024 menunjukkan hanya 20 peratus pelancong asing melawat Pantai Timur.

Kerajaan telah melancarkan projek seperti Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) untuk mengurangkan ketidakseimbangan. Namun, pembinaan lebuh raya seperti Central Spine Road (CSR) masih perlahan, dengan hanya 65 peratus siap setakat 2024.

Ketiadaan jaringan lebuh raya yang baik juga menjejaskan industri pertanian. Petani di Kelantan terpaksa menanggung kos pengangkutan 20 peratus lebih tinggi berbanding di Johor.

Menurut Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), sayur-sayuran dari Cameron Highlands mengambil masa selama tiga jam untuk sampai ke Kuala Lumpur tetapi produk dari Gua Musang mengambil masa enam jam. Ini meningkatkan kos dan mengurangkan daya saing.

Pembangunan lebuh raya yang tidak seimbang juga mempermudah lagi migrasi penduduk.

Ramai anak muda dari Pantai Timur berpindah ke bandar besar untuk mencari pekerjaan.

Statistik Jabatan Perangkaan pada tahun lalu menunjukkan 35 peratus graduan Kelantan bekerja di luar negeri. Ketiadaan peluang ekonomi di kawasan sendiri dikaitkan dengan infrastruktur yang lemah.

Kerajaan perlu memastikan pembangunan lebuh raya lebih inklusif. Projek seperti Lebuhraya Pan Borneo di Sarawak menunjukkan kesan positif, dengan pertumbuhan ekonomi tempatan meningkat 8 peratus, sejak 2020.

Namun, di Semenanjung, tumpuan masih pada kawasan maju. Peruntukan untuk lebuh raya di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) menunjukkan 60 peratus bajet tertumpu di Pantai Barat.

Penyelesaian jangka panjang memerlukan perancangan lebih teliti. Pembangunan lebuh raya harus seiring dengan pengukuhan ekonomi tempatan, bukan hanya memfokus pada kawasan yang sudah maju.

Dengan strategi yang betul, lebuh raya boleh menjadi pemangkin pembangunan wilayah yang lebih saksama. Malaysia perlu belajar dari kesilapan lalu untuk memastikan pertumbuhan ekonomi lebih seimbang pada masa hadapan.

Ketidakseimbangan ekonomi akibat pembangunan lebuh raya adalah isu kritikal yang perlu ditangani segera.

Kerajaan, penyelidik dan pihak berkepentingan harus bekerjasama untuk memastikan manfaat infrastruktur dinikmati oleh semua wilayah secara adil.

DR. IRWAN IBRAHIM & DR. ABDUL KHABIR RAHMAT
 Institut Pengangkutan Malaysia (Mitrans)
 Universiti Teknologi Mara (UITM)



KETIDAKSEIMBANGAN ekonomi akibat pembangunan lebuh raya merupakan isu kritikal yang perlu ditangani segera.